

KWSP, Kwasa Land tandatangani ikrar integriti

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan anak syarikat milik penuhnya, Kwasa Land Sdn Bhd (Kwasa Land) menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) sebagai langkah berterusan untuk amalan terbaik perniagaan beretika, selari dengan amalan terbaik tadbir urus global.

Pengerusi KWSP, Tan Sri Samsudin Osman (**gambar**), berkata langkah itu untuk mengukuhkan komitmen KWSP dan Kwasa Land bagi mendukung integriti.

"Ini penting untuk mewujudkan persekitaran urusan niaga dan operasi yang telus dan berlandaskan standard tadbir urus global," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

CIP ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan dan Pengarah Urusan Kwasa Land, Datuk Mohd Lotfy Mohd Noh.

Majlis itu disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Mustafar Ali dan Samsudin.

Ia disusuli dengan lafaz ikrar diketuai oleh Shahril Ridza dan pegawai kanan KWSP dan Kwasa Land.

Majlis berkenaan diadakan sempena sambutan Hari Integriti KWSP 2015.

Yang turut hadir, Pengerusi Perundangan dan Pencegahan Rasuah SPRM, Tan Sri Johan Jaafar, wakil syarikat vendor

KWSP, persatuan industri dan pegawai tinggi KWSP.

Tingkat kredibiliti

Samsudin berkata, KWSP melihat isu integriti amat penting kerana ia membabitkan kredibiliti dana sebagai pemegang amanah kepada lebih 14 juta simpanan persaraan ahli dan jumlah aset pelaburan mencecah RM667.21 bilion.

Sementara itu, Mustafar berkata, CIP adalah platform penting untuk syarikat menyumbang kepada inisiatif pencegahan rasuah di negara ini.

"Kami amat sukacita kerana KWSP dan Kwasa Land sudah mengambil langkah ke hadapan bagi memastikan urusan niaga dan operasinya adalah berlandaskan prinsip integriti yang tinggi," katanya.